

09 MAY 1996

Razaleigh-Reaksi (Pekebun)

PKPKM ANGGAP KEMASUKAN RAZALEIGH SATU RAHMAT KEPADA UMNO

JOHOR BAHRU, 9 Mei (Bernama) -- Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) berkata penyertaan semula Tengku Razaleigh Hamzah ke dalam UMNO merupakan satu rahmat kepada parti itu yang akan menyambut ulang tahun ke-50 Sabtu ini.

Presidennya, Datuk Ahmad Arshad berkata langkah bekas Menteri Kewangan itu sudah tentu dapat mengukuhkan perpaduan orang Melayu terutama di Kelantan.

Menurutnya, anggota UMNO di seluruh negara hendaklah menerima kemasukan Tengku Razaleigh dengan penuh ikhlas.

"Sebagai balasan penyertaan semula Tengku Razaleigh, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bolehlah menyerahkan jawatan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan kepada Tengku Razaleigh bagi menyatukan semula anggota S46 dan UMNO di negeri itu," katanya. -- BERNAMA

MH NMO